



31 MAY, 2024

MyCIF labur RM289juta libatkan 3,587 PMKS

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

MyCIF labur RM289 juta libatkan 3,587 PMKS

PETALING JAYA: Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) melabur bersama sebanyak RM289 juta melalui platform pembiayaan alternatif pada tahun lalu sekaligus memacu pertumbuhan dan meningkatkan daya saing perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan konsisten.

MyCIF merupakan dana pelaburan bersama yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) sempena Bajet 2019 untuk melabur bersama dalam PMKS melalui platform pendaan ramai berdasarkan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P).

Pengerusi SC, Datuk Seri Dr. Awang Adek Hussin berkata, MyCIF telah memacu hampir RM2 bilion pelaburan swasta melalui pelaburan sebanyak RM289 juta tahun lepas membuktikan peranan pentingnya dalam memupuk pertumbuhan segmen ECF dan pembiayaan P2P.

“Sektor pertanian khususnya menyaksikan peningkatan sebanyak 86 peratus dalam penerbit yang disokong oleh skim pertanian MyCIF.

“Tambahah pula, MyCIF mampu mencapai kadar yang lebih tinggi bagi PMKS di luar Lembah Klang iaitu 49 peratus daripada 40 peratus pada tahun sebelumnya. Ini membuktikan MyCIF menyokong keterangkuman dalam kalangan PMKS,” katanya dalam kenyataan.

Sejak penubuhan mereka, MyCIF menerima jumlah peruntukan sebanyak RM250 juta daripada kerajaan dan berjaya melabur bersama RM930 juta dalam lebih 6,000 sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mencapai kesan berganda 3.7 kali ganda.

Katanya, ini memperoleh RM3.82 bilion dalam pelaburan swasta menjadikan jumlah dana yang diperoleh dengan sokongan myCIF kepada RM4.75 bilion.



31 MAY, 2024

MyCIF labur RM289juta libatkan 3,587 PMKS

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Malaysia Co-Investment Fund (My-CIF) melabur bersama sebanyak RM289 juta melalui platform pembiayaan alternatif pada tahun lalu sekaligus memacu pertumbuhan dan meningkatkan daya saing perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan konsisten. MyCIF merupakan dana pelaburan bersama yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) sempena Bajet 2019 untuk melabur bersama dalam PMKS melalui platform pendaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P). Pengerusi SC, Datuk Seri Dr.